

17/02/2001

Sawah perlu diusahakan secara komersial

Abdul Razak Jaafar

AGAK mengejutkan juga apabila kita diberitahu bahawa hampir 95 peratus petani di negara ini, termasuk kira-kira 130,000 pesawah padi, tergolong dalam kumpulan petani kecil yang mengusahakan tanah antara satu hingga tiga hektar. Cara mereka mengerjakan sawah pada keseluruhannya adalah secara tradisi.

Berbanding bidang pembuatan dan perindustrian yang kian maju dengan penggunaan teknologi moden, maka bidang pertanian, terutama pengusaha sawah, perlulah disentak sikap mereka supaya meningkatkan keupayaan menggunakan alat-alat moden dan terkini.

Dari segi pendapatan, misalnya, setiap pesawah sekadar meraih pendapatan bersih kira-kira RM920 sehektar semusim, termasuk sumbangan subsidi harga padi daripada kerajaan.

Oleh kerana purata mereka ini mengerjakan tanah sawah seluas antara sehektar satu hingga tiga hektar, maka pendapatan bersih mereka ialah antara RM920 hingga RM2,760 semusim atau antara RM1,840 hingga RM5,520 setahun yang bermakna pendapatan sebulan cuma RM230 hingga RM460.

Pastinya pendapatan ini tidak mencukupi bagi menyara keluarga seramai empat hingga lima orang. Dengan itu, tidak dapat dielakkan bagi kita, rakyat Malaysia yang bergantung kepada beras sebagai makanan ruji, turut bersimpati dengan nasib mereka.

Tambahan pula, rakyat yang bekerja selain daripada sektor pertanian, rata-berpendapatan paling rendah RM500 sebulan.

Kita juga harus sedar bahawa pendapatan kira-kira RM920 itu hanya dapat dinikmati selepas musim menuai, iaitu selepas tempoh tiga bulan. Ini kerana peringkat awal menyiapkan sawah hingga selesai menuai memakan masa lebih tiga bulan dan tempoh tiga bulan seterusnya ialah penyediaan bendang untuk memulakan tanaman musim kedua.

Ditinjau dari aspek pendapatan ini, kerajaan sudah berulang kali memberi nasihat dan pandangan bahawa pesawah sewajarnya mengusahakan sawah yang lebih luas secara kelompok atau estet supaya kos pengurusan sawah menjadi lebih rendah, penghasilan pula lebih tinggi dan pendapatan akan turut meningkat.

Sebagai contoh, Belanda pada suatu masa dulu hanya dapat menghasilkan 30,000 tan tomato sehektar setahun. Bagaimanapun, melalui proses pemodenan dan penyatuan tanah, hasilnya meningkat menjadi 300,000 tan sehektar setahun - peningkatan 1,000 peratus!

Kerajaan berharap penghasilan padi antara empat hingga lima tan sehektar sekarang dapat dinaikkan hingga 10 tan sehektar pada masa terdekat supaya kita tidak perlu lagi bergantung kepada beras dari luar negara yang diimport sehingga 600,000 tan setiap tahun dengan tukaran asing sehingga 500 juta.

Seharusnya hampir 130,000 pesawah kita - 95 peratus daripada mereka adalah pesawah Melayu - memahami senario ini. Kerana menjelang 2003 dan 2004 apabila Afta atau Zon Dagangan Bebas Asean dilaksanakan, aliran masuk barang termasuk beras menjadi bebas, maka harga beras akan menjadi lebih murah.

Ini bermakna beras tempatan akan terpinggir dan secara langsung mengancam mata pencarian pesawah kita kerana beras tempatan yang terpaksa dijual pada harga mahal kerana kos pengeluarannya yang tinggi, akan sukar dibeli.

Pastinya pengguna yang mendapati harga beras yang diimport itu murah dan

bermutu, akan membeli beras import, berbanding beras tempatan yang lebih tinggi harganya dan lebih rendah mutunya.

Logiknya ini akan berlaku. Untuk mengelakkannya, maka beras tempatan hendaklah dihasilkan dengan banyaknya dengan kos yang murah di samping mutu yang tinggi.

Persoalan sekarang ialah bagaimanakah pesawah kita yang kini menghasilkan kira-kira 1.2 juta tan beras setahun dapat meningkatkan hasil mereka sehingga 2 juta tan beras menjelang 2003 atau 2004?

Fakta menunjukkan setiap seorang daripada rakyat Malaysia menggunakan 85 kilogram beras setahun. Ini bermakna bagi 23 juta penduduk Malaysia menjelang 2003 atau 2004, jumlah beras yang diperlukan ialah kira-kira 2 juta tan - satu peningkatan sebanyak 800,000 tan jika dibandingkan dengan kemampuan pengeluaran beras tempatan sekarang.

Sebab itulah pesawah kita seharusnya dipacu dengan azam dan tekad untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 1.8 juta tan beras menjelang 2003 atau 2004 berbanding 1.2 juta tan sekarang.

Mungkin pada tahun yang dimaksudkan itu, jumlah beras yang diimport tidak lebih daripada 200,000 tan saja.

Marilah kita melihat pada hakikat di depan mata. Luas sawah yang digunakan oleh pesawah kita sekarang ialah kira-kira 501,000 hektar.

Daripada keluasan berkenaan, dengan dua musim setahun, hasil yang diperolehi ialah kira-kira 1.7 juta tan padi atau 1.2 juta tan beras saja. Ini bermakna setiap hektar hanya boleh menghasilkan purata tiga hingga empat tan padi sehektar semusim.

Sekiranya pesawah kita dapat menghasilkan purata lapan tan padi sehektar, maka kita boleh mengharapkan penghasilan padi meningkat hingga 2.4 juta tan.

Yang penting ialah keluasan padi kekal pada paras sekarang, iaitu 501,000 hektar atau kurang sedikit tahun demi tahun kerana pembangunan tanah atau tanah terbiar tetapi penghasilan padi ditingkatkan melalui pertambahan hasil sehektar.

Bagaimana ini boleh dicapai? Tepuk dada tanyalah selera.

Kita sering membaca bagaimana ada pesawah kita yang berjaya mengeluarkan hasil padi sehingga 12 tan sehektar dan kita pernah dimaklumkan bahawa beberapa estet padi yang diusahakan secara berkelompok menghasilkan peningkatan padi sehektar.

Bahkan ada berita mengatakan bahawa satu kawasan tanah sawah di selatan Thailand pada masa ini yang keluasanya lebih sedikit dari kawasan Mada dan luar Mada di Kedah dan Perlis, mampu menghasilkan padi sehingga dua juta tan yang sama banyaknya dengan hasil padi di seluruh Malaysia.

Ini bermakna mereka menggunakan tanah dengan cara yang paling optimum bagi menghasilkan padi yang banyak.

Kalaulah berita ini ada kebenarannya, eloklah pesawah kita sekali-sekala menjenguk ke kawasan berkenaan untuk mempelajari cara-cara pesawah Thailand menghasilkan padi dengan banyaknya dari kawasan bendang yang agak terbatas.

Khabarnya juga kerajaan Thailand memang bersedia menyambut cabaran Afta pada 2003 atau 2004 dengan penghasilan beras yang banyak dan bermutu untuk memasuki pasaran beras di Malaysia dan sekali gus mencabar penghasilan padi tempatan.

Hakikatnya, jika ada kemahuan pasti ada jalan. Pandangan atau sikap pesawah perlu diolah dan dibentuk dengan cabaran sebegini rupa, iaitu menggunakan keluasan sawah dengan penghasilan yang optimum.

Pendek kata, penggunaan sawah kecil sekangkang kera di antara satu hingga tiga hektar seorang, tidak wajar diamalkan. Jika amalan ini diteruskan, sampai bilapun penggunaan optimum tanah sawah tidak akan dapat dicapai.

Lantaran itu, adalah amat penting untuk menyatukan sawah tanpa banyak petak, iaitu penggabungan tanah sawah supaya benar-benar sayup mata memandang. Tuk penghulu mesti berusaha kuat dan tegas meyakinkan anak buah supaya bersetuju menyatukan sawah mereka dan bekerjasama mengerjakan sawah sebagai satu kumpulan.

Dengan cara ini, pengurusan sawah akan dapat ditingkatkan menuju kepada perancangan strategik yang tersusun.

Bayangkanlah dengan sawah tanpa batas yang mana kawalan air semasa diperlukan dan tidak diperlukan dapat dilaksanakan dengan teratur, tanam cara tabur dan urusan membaja serta mencegah serangga dapat dilakukan serentak dan mudah.

Malah, menuai juga dapat dilakukan dengan cepat, mudah dan kadar padi muda dan rosak dapat diatasi.

Ini semua pasti akan mengurangkan kos penyelenggaraan dan meningkatkan pengeluaran - hasil yang bertambah pada keluasan sawah yang sama.

Inilah yang sering disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan pesawah kita bersedia menghadapi cabaran Afta dengan yakin.

Sekiranya kos penyelenggaraan sawah meningkat kerana keluasan hak setiap pesawah tidak seberapa dan penggunaan baja dan pencegah serangga tidak teratur, bagaimanakah pesawah kita dapat menghadapi cabaran 2003 atau 2004 itu?

Pesawah kita harus sedar dan faham bahawa hanya pengurusan sawah secara besar-besaran yang dapat meningkatkan hasil dengan pengurangan kos.

Untuk mencapai matlamat itu, pesawah kita perlu memberikan persetujuan memecahkan tradisi batas-batas sawah melalui pemuafakatan dan persepakatan serta gabungan sesama sendiri supaya sawah benar-benar menjadi saujana mata memandang demi masa depan mereka juga. Berkongsi sawah, berusaha sama.

Sekiranya langkah ini dilengahkan atau tidak dilaksanakan, pesawah kita perlulah bersedia menghadapi akibatnya.

(END)